



SIARAN AKHBAR

GLOMAC 121 RESIDENCES SAMPAI KE ARAS TERTINGGI Projek TOD Bertingkat Tinggi Dijangka Siap Pada Suku Pertama 2024

KUALA LUMPUR, 8 Jun 2023 – Glomac Berhad dengan bangganya hari ini, meraikan peristiwa penting untuk 121 Residences, projek kediaman bertingkat tinggi di Petaling Jaya dengan upacara *Topping-Out* yang membuktikan pembinaan telah berjalan dengan lancar serta berjaya mencapai puncak tertinggi pada aras 34.

Walaupun menghadapi beberapa cabaran pasca-pandemik, seperti kekurangan tenaga kerja sejak tahun 2021, Glomac mengumumkan bahawa kerja-kerja pembinaan tetap diteruskan dan projek ini dijangka siap mengikut jadual menjelang Januari 2024.

Kerangka struktur binaan yang siap membuktikan kemampuan Glomac untuk menyediakan rumah berkualiti dan mampu milik serta memberi akses mudah ke kawasan pusat bandar, kerana 121 Residences ialah ruang kediaman bersepadu di dalam Lembah Klang, sesuai untuk pembeli berkeluarga kecil serta penghuni kawasan bandar.

121 Residences terdiri daripada dua menara kediaman yang menawarkan pangsapuri servis dan unit SOHO bernilai dari RM325,000 ke atas dengan kemudahan akses melalui LDP, NKVE, dan lebuh raya SPRINT atau melalui pengangkutan MRT Bandar Utama serta laluan LRT3 akan datang. Setakat ini, lebih daripada 95 peratus unit telah terjual dan terdapat beberapa unit sahaja untuk pembelian. Para pelanggan yang berminat boleh menghubungi pasukan jualan kami di 03-2727 7552 atau memuat turun brosur penjualan di laman web korporat kami: <https://www.glomac.com.my/project/121-residences/>.

GLOMAC BERHAD

8 Jun 2023

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Azwan Kimori

Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat

azwan@glomac.com.my

011 1110 8018

Nurin Mastura

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat

nurin@glomac.com.my

Talian: 03 7723 9056

Group Corporate Communications

gccm@glomac.com.my

Glomac Berhad

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (high-rise), atas tanah (landed) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan berkediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.